PENGARUH BAHASA MANDARIN TERHADAP TAHAP PEMAHAMAN PENJODOH BILANGAN "BIJI" DALAM KALANGAN MASYARAKAT CINA SEMENANJUNG MALAYSIA

(*The Influence of Mandarin on the Understanding of the Malay Classifier "Biji" Among the Chinese Community in Peninsular Malaysia*)

Ng Chwee Fang[1]
chweefang@upm.edu.my

Mukhlis Abu Bakar[2]
mukhlis.abubakar@nie.edu.sg

Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi, Universiti Putra Malaysia, 43400 Serdang, Selangor Darul Ehsan, Malaysia.[1]

National Institute of Education, Nanyang Technological University, Singapore. NIE3-03-80, 1 Nanyang Walk, Singapore 637616.[2]

Pengarang koresponden (Coressponding author):[1]

Rujukan makalah ini (To cite this article): Ng Chwee Fang, & Mukhlis Abu Bakar. (2025). Pengaruh bahasa Mandarin terhadap tahap pemahaman penjodoh bilangan "biji" dalam kalangan masyarakat Cina Semenanjung Malaysia. *Jurnal Bahasa*, *25*(2), 343–370. https://doi.org/10.37052/jb25(2)no6

Makalah ini telah melalui proses penilaian sulit berganda
(This article has gone peer review process)

Peroleh: *Received*:	11/6/2025	Semakan: *Revised*	3/11/2025	Terima: *Accepted*:	25/11/2025	Terbit dalam talian: *Published online*:	28/11/2025

Abstrak

Penjodoh bilangan berperanan penting dalam interaksi harian rakyat Malaysia kerana penggunaannya mencerminkan kepelbagaian etnik, budaya dan bahasa di negara ini. Penjodoh bilangan Melayu

© Dewan Bahasa dan Pustaka. 2025. This work is licensed under the term of the Creative Commons Attribution-NonCommercial-NoDerivatives 4.0 International (CC BY-NC-ND 4.0)

e-ISSN: 2462-1889

"biji" lazim digunakan untuk objek kecil dan bulat, khususnya buah. Walau bagaimanapun, kajian terdahulu menunjukkan penurunan dalam tahap pemahaman penjodoh bilangan merentasi generasi. Kajian ini dilakukan untuk mengenal pasti tahap pemahaman penjodoh bilangan "biji" dalam kalangan masyarakat Cina Semenanjung Malaysia dan menganalisis pengaruh bahasa Mandarin terhadap pemahaman penjodoh bilangan biji dalam kalangan responden yang sama berdasarkan teori pemindahan dan gangguan oleh Lado (1957). Soal selidik diedarkan kepada 400 responden yang semuanya penutur jati bahasa Mandarin Cina Malaysia dari empat zon geografi di Semenanjung Malaysia. Item soal selidik dirangka menggunakan definisi dan contoh daripada kamus penjodoh bilangan Melayu yang berwibawa bagi memastikan kesahan data. Hasil kajian menunjukkan bahawa tahap pemahaman penjodoh bilangan "biji" dalam kalangan masyarakat Cina Semenanjung adalah rendah dan belum mencapai tahap yang memuaskan. Dari segi pengaruh bahasa Mandarin, pemindahan negatif lebih kerap berlaku berbanding dengan pemindahan positif. Dalam hal ini, bahasa Mandarin turut menyebabkan pemindahan negatif bagi semua penjodoh bilangan yang dikaji, kecuali penjodoh bilangan "biji" yang merujuk objek kecil dan bulat yang lazim. Penemuan ini membawa implikasi penting terhadap pedagogi pengajaran bahasa Melayu dan bahasa Cina sebagai bahasa kedua, khususnya dengan mengambil kira aspek semantik bahasa pertama.

Kata kunci: Penjodoh bilangan bahasa Melayu, biji, Semenanjung Malaysia, masyarakat Cina Malaysia, tahap penguasaan, analisis kontrastif

Abstract

Classifiers play a significant role in the daily interactions of Malaysians as they reflect the nation's ethnic, cultural, and linguistic diversity. The Malay classifier "biji" is commonly used for small and round objects, especially fruits. However, previous studies point to a decline in classifiers comprehension across generations. This study aims to identify the level of understanding of the classifier "biji" among the Chinese community in Peninsular Malaysia and to analyse the influence of Mandarin based on Lado's (1957) theory of transfer and interference. A questionnaire was administered to 400 native speakers of Malaysian Mandarin Chinese from four geographical zones in Peninsular Malaysia. The questionnaire items were constructed using

definitions and examples from authoritative Malay classifier dictionary to ensure validity. The findings indicate that the level of understanding of the classifier "biji" among the Chinese community in Peninsular Malaysia is low and has not reached a satisfactory standard. In terms of Mandarin influence, negative transfer occurred more frequently than positive transfer. Mandarin was found to contribute to negative transfer for all classifiers examined, except for the use of "biji" referring to commonly known small and round objects. These findings provide important implications for the pedagogy of teaching Malay and Chinese as second languages, particularly in relation to the semantic influence of learners' first language.

Keywords: Malay classifier, biji, Peninsular Malaysia, Malaysian Chinese community, level of proficiency, contrastive analysis

PENDAHULUAN

Penjodoh bilangan merupakan unsur linguistik yang secara eksplisitnya mencerminkan proses pengkategorian konseptual manusia (Allan, 1977; Craig, 1986). Unsur ini mengklasifikasikan kata nama secara jelas dengan mewakili "ciri paling menonjol yang dapat dilihat atau diandaikan" pada sesuatu entiti sebagaimana yang difahami oleh penutur bahasa (Allan, 1977). Bahasa Melayu berasal daripada keluarga bahasa Austronesia (Adams & Conklin, 1973; Allan, 1977; Asmah Haji Omar, 1972; Nik Safiah Karim et al., 1986, 2008; Othman, 2004; Richards et al., 1985; Zainuddin Dirin, 2000) dan memiliki sistem penjodoh bilangan yang meluas seperti 36 bahasa lain di Asia Timur dan Asia Tenggara (Adams & Conklin, 1973). Bahasa Melayu turut dikenal pasti sebagai bahasa aglutinatif (Nik Safiah Karim et al., 1986, 2008). Kebanyakan bahasa Austronesia Barat di Asia Timur dan Asia Tenggara (Gil, 2013) juga memiliki sistem penjodoh bilangan (Aikhenvald, 2000) yang digunakan oleh lebih kurang 20 hingga 30 juta penutur jati. Penggunaan penjodoh bilangan dalam bahasa Melayu yang meluas mencerminkan ilustrasi kognitif masyarakat Melayu terhadap bentuk dan ciri sesuatu objek. Menurut Khazriyanti Salehuddin dan Winskel (2009), sistem penjodoh bilangan nombor dalam bahasa Melayu merupakan komponen penting dalam identiti bahasa Melayu yang memperlihatkan pengkategorian konseptual masyarakat Melayu.

Penjodoh bilangan dalam bahasa Melayu ditafsirkan dalam konteks pengkuantitian dan lazimnya digunakan bersama-sama unsur bilangan, seperti nombor atau kata penentu kuantiti. Secara khusus, penjodoh

bilangan perlu diletakkan di antara kata nama dengan nombor untuk membentuk ungkapan yang gramatis (Liaw Yock Fang, 1999). Sebagai contoh, penjodoh bilangan diperlukan bagi nombor satu hingga tiga dalam bahasa Minangkabau yang merupakan bahasa Austronesia Barat (Marnita, 1996). Struktur asas frasa penjodoh bilangan dalam bahasa Melayu ialah NOMBOR + PENJODOH BILANGAN + KATA NAMA. Secara umum, bahasa Melayu menggunakan susunan dominan NOMBOR + PENJODOH BILANGAN + KATA NAMA, walaupun kadangkala kata nama boleh mendahului frasa penjodoh bilangan. Sebagai contoh, "bunga (kata nama) sekuntum (nombor + penjodoh bilangan)". Nombor satu atau satu ditulis sebagai se- dan digunakan sebagai imbuhan bagi penjodoh bilangan seperti yang ditunjukkan dalam contoh 1(a). Kata nama yang dipadankan dengan penjodoh bilangan menunjukkan nombor tertentu kecuali satu, yang membawa maksud jamak dan ditulis seperti dalam 1(b). Kata nama yang dipadankan dengan makna jamak tanpa menyatakan nombor tertentu akan menggunakan kata, seperti beberapa, seperti dalam 1(c).

1(a). Seekor kuda

Kata bilangan [PB] kata nama

1(b). Dua ekor kuda

Kata bilangan [PB] kata nama

1(c). Beberapa ekor kuda

Kata bilangan [PB] kata nama

Penjodoh bilangan digunakan untuk mengkategorikan kata nama berdasarkan aspek animasi, bentuk, rupa dan saiz (Aikhenvald, 2000). Penjodoh bilangan juga digunakan sebagai manifestasi gambaran kognitif manusia terhadap bentuk dan ciri sesuatu objek (Ng Chwee Fang et al., 2024). Tai dan Wang membezakan antara penjodoh bilangan dengan kata pengukur seperti yang berikut:

> Penjodoh bilangan mengkategorikan kelas kata nama dengan mengenal pasti ciri persepsi yang menonjol, sama ada berdasarkan aspek fizikal atau fungsi, yang secara kekal dikaitkan dengan entiti yang dinamakan oleh kata nama tersebut; manakala kata pengukur tidak mengkategorikan tetapi menyatakan kuantiti entiti yang dinamakan oleh kata nama. (Tai & Wang, 1990, hlm. 38)

Dalam bahasa Melayu, "penjodoh" mempunyai akar kata "jodoh". Oleh ini, penjodoh bermaksud "pemadan" (padan), "pasangan" (pasang) dan "lawan" (Anwar Ridhwan & Lai Choy, 2008). Menurut Anwar Ridhwan dan Lai Choy, penjodoh bilangan (numeral classifier) pula bermaksud "perkataan yang digunakan berpasangan dengan kata nama apabila menunjukkan bilangan". Penjodoh bilangan dalam bahasa Melayu berkongsi beberapa fungsi semantik tipikal dengan kata nama yang sepadan sebagai penjodoh (Chung Siaw Fong, 2010).

Penjodoh bilangan Melayu "biji" dalam *Kamus Penjodoh Bilangan Daya* didefinisikan sebagai penjodoh untuk buah, objek bulat dan objek kecil (Anwar Ridhwan & Lai Choy, 2008). Zainuddin Dirin (2014) dalam *Kamus Penjodoh Bilangan* menyatakan bahawa "biji" digunakan untuk mengira buah dan objek kecil. Selain itu, Anwar Ridhwan dan Lai Choy (2010) dalam *Kamus Kembangan* menjelaskan bahawa "biji" digunakan untuk mengira buah, serta objek kecil dan bulat. Sementara itu, kamus dalam talian Dewan Bahasa dan Pustaka, Malaysia memberikan takrifan yang sedikit berbeza. Kamus ini kamus dalam talian yang berautoroti dan sering dijadikan rujukan utama bahasa Melayu. Dalam kamus tersebut, penjodoh bilangan "biji" dapat digunakan untuk mengira pinggan mangkuk, selain objek kecil dan buah. Rumusan definisi penjodoh bilangan "biji" daripada pelbagai sumber kamus ini dipaparkan dalam Jadual 1.

Jadual 1 Rumusan definisi penjodoh bilangan "biji" daripada pelbagai sumber kamus.

Kamus	Objek Kecil	Objek Bulat	Buah	Pinggan Mangkuk
Kamus Penjodoh Bilangan Daya	√	√	√	
Kamus Penjodoh Daya	√		√	
Kamus Kembangan	√	√	√	
Kamus dalam talian Dewan Bahasa dan Pustaka	√		√	√

Penjodoh bilangan Melayu "biji" digunakan secara meluas dalam kehidupan seharian rakyat Malaysia disebabkan oleh interaksi harian yang rapat dengan objek kecil dan bulat, buah, serta pinggan mangkuk. Penggunaan penjodoh bilangan ini harus dipelajari dan dikuasai oleh

semua lapisan masyarakat Malaysia, termasuklah kumpulan etnik lain. Pada 14 Februari 2022, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob memaklumkan bahawa jumlah penduduk Malaysia mencapai 32.4 juta orang, dengan 69.4% terdiri daripada Bumiputera, 23.2% Cina, dan selebihnya daripada kumpulan etnik lain (Berita Harian, 2022). Sebagai etnik kedua terbesar di negara ini, masyarakat Cina bukan sahaja menggunakan bahasa ibundanya, tetapi turut fasih bertutur dalam bahasa Melayu dan bahasa Inggeris dalam kehidupan seharian. Namun demikian, tahap kefahaman dan penguasaan terhadap aspek tatabahasa, khususnya penjodoh bilangan dalam bahasa Melayu, masih belum dapat dikenal pasti secara menyeluruh dalam kalangan masyarakat ini.

Sehubungan dengan itu, penguasaan penggunaan penjodoh bilangan amat penting kerana bukan sahaja mencerminkan kecekapan dalam bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan, tetapi juga berperanan besar dalam peningkatan kejelasan komunikasi dan kefasihan bertutur. Penjodoh bilangan merupakan komponen asas dalam struktur ayat bahasa Melayu dan penggunaannya yang tepat dapat membantu menyampaikan maklumat dengan lebih berkesan. Penguasaan tatabahasa ini juga membantu komunikasi antara etnik yang lebih lancar, sekali gus mengukuhkan perpaduan nasional menerusi penggunaan bahasa Melayu yang gramatis dalam kalangan rakyat pelbagai kaum.

Tambahan pula, kajian lepas menunjukkan penurunan ketara dalam penggunaan penjodoh bilangan tradisional, khususnya dalam kalangan generasi muda (Conklin, 1981). Penjodoh bilangan jenis mensural lazimnya dikaitkan dengan susunan atau ukuran yang mempunyai nilai budaya tersendiri. Walau bagaimanapun, kemerosotan pengetahuan budaya merentasi generasi menyebabkan kehilangan penggunaan penjodoh bilangan dalam kalangan pelbagai masyarakat, seperti Minangkabau (Marnita, 1996), Korea (Lee, 1997) dan Jepun (Sanches, 1977).

Oleh itu, kajian ini dilakukan bagi meneliti tahap penguasaan penjodoh bilangan "biji" dalam kalangan masyarakat Cina di Semenjung Malaysia dan menganalisis pengaruh bahasa Mandarin terhadap tahap pemahaman tersebut. Sebagai kumpulan etnik kedua terbesar, masyarakat cina mempelajari bahasa Melayu sebagai bahasa kedua. Oleh itu, kajian ini diharapkan dapat menjadi rujukan penting dalam proses pembelajaran dan pengajaran bahasa tersebut. Selain itu, dapatan kajian juga dijangka dapat meningkatkan kesedaran terhadap kepentingan penggunaan penjodoh bilangan dalam kalangan generasi muda pelbagai kaum.

Menerusi perbincangan ini, objektif kajian ini adalah seperti yang berikut:

(a) Mengenal pasti tahap pemahaman masyarakat Cina Semenanjung Malaysia terhadap penjodoh bilangan "biji" dalam bahasa Melayu.

(b) Menganalisis pengaruh bahasa Mandarin terhadap tahap pemahaman penjodoh bilangan "biji" menggunakan teori pemindahan dan gangguan oleh Lado (1957).

KAJIAN LEPAS

Kajian tentang penjodoh bilangan dalam bahasa Melayu menunjukkan perkembangan yang signifikan sejak awal era 1970-an. Sarjana terkenal tempatan, Asmah Haji Omar (1972), telah menjalankan penyelidikan rintis mengenai penjodoh bilangan dalam bahasa Melayu dan bahasa Iban, sekali gus meletakkan asas yang kukuh bagi penyelidikan seterusnya dalam bidang ini. Hasil kerja asas ini memberikan pemahaman kritikal terhadap penggunaan dan fungsi penjodoh bilangan, serta menjadi penanda aras terhadap penyelidikan masa hadapan. Walau bagaimanapun, terdapat jurang ketara antara kajian awal yang dilakukan oleh Asmah Haji Omar (1972) dengan kajian susulan yang berkaitan dengan penjodoh bilangan Melayu. Perkembangan yang lebih terperinci dalam bidang ini hanya berlaku apabila kajian yang dilakukan oleh Khazriyanti Salehuddin dan Winskel (2008, 2009, 2011, 2012), Khazriyanti Salehuddin et al. (2011) dan Khazriyanti Salehuddin et al. (2013) mula diterbitkan. Khazriyanti Salehuddin dan Winskel (2008) memulakan penyelidikan dengan meneroka sistem konseptual penjodoh bilangan nombor Melayu dan membandingkannya dengan deskripsi Allan (1977) mengenai bahasa yang mempunyai sistem penjodoh. Pengkaji tersebut mendapati bahawa penguasaan penjodoh bilangan ialah proses berperingkat yang dipengaruhi oleh faktor tertentu, seperti kerumitan semantik, kekerapan input dan pengajaran formal (Khazriyanti Salehuddin & Winskel, 2009).

Hasil kajian susulan memperluas pemahaman ini. Khazriyanti Salehuddin et al. (2011) meneliti cara kanak-kanak mengkategorikan objek mengikut lapan penjodoh bilangan berasaskan bentuk, dan mendapati bahawa kanak-kanak menunjukkan prestasi lebih baik apabila wujud kontras persepsi yang ketara dan contoh tipikal. Pada tahun yang sama, pengkaji ini menganalisis fungsi pragmatik penjodoh bilangan dalam penulisan moden Melayu dan merumuskan bahawa pengguguran penjodoh bilangan dalam teks sering mencerminkan kesedaran

pragmatik pengguna, bukannya kejahilan terhadap penggunaan yang betul. Seterusnya, Khazriyanti Salehuddin dan Winskel (2012) mengkaji penggunaan penjodoh bilangan dalam interaksi antara penjaga dengan kanak-kanak dan mendapati bahawa penggunaannya terhad dan dipengaruhi oleh sifat pilihan penjodoh bilangan dalam tatabahasa Melayu. Akhir sekali, Khazriyanti Salehuddin et al. (2013) menunjukkan bahawa kerumitan semantik dan ketipikalan contoh berperanan penting dalam pemahaman penjodoh bilangan secara perkembangan.

Walau bagaimanapun, kajian terdahulu tidak memberikan tumpuan khusus terhadap penjodoh bilangan "biji", sebaliknya lebih menekankan aspek pengajaran dan perbandingan umum antara sistem penjodoh bilangan dalam bahasa Melayu dengan bahasa Cina (Lee Jin Feng, 2009a, 2009b; Liu Pei Hua, 2014; Teo Ai Min, 2003). Hanya segelintir sarjana yang meneliti penjodoh bilangan Melayu secara lebih mendalam. Antaranya termasuklah Chung Siaw Fong (2010) yang mengkaji penjodoh bilangan "buah" dan Ng Chwee Fang et al. (2024) membandingkan antara "buah" dengan penjodoh bilangan Cina "个" (*gè*). Ng Chwee Fang et al. (2024) mendedahkan perbezaan semantik yang halus antara penjodoh bilangan dalam kedua-dua bahasa, iaitu "buah" dan "个" (gè). Menurut pengkaji tersebut, walaupun "个" (gè) dan "buah" berkongsi persamaan dari segi penggunaannya dalam kategori tertentu, seperti organisasi, hasil semula jadi, bangunan dan artifak, kedua-duanya mempunyai domain semantik tersendiri. Secara khusus, "个" (gè) digunakan secara eksklusif untuk merujuk organ, anggota badan manusia, buah, makanan, konsep masa, arah ruang dan binaan intelektual. Sebaliknya, "buah" digunakan dalam konteks pengangkutan, aksesori, perabot rumah, penerbitan, alat muzik dan persembahan (Ng Chwee Fang et al., 2024). Selain itu, Ng Chwee Fang (2024) melakukan kajian perbandingan berasaskan kamus antara penjodoh bilangan "biji" dengan penjodoh bilangan Cina "粒" (lì) melalui pendekatan tipologi. Walau bagaimanapun, tiada kajian empirikal yang dilakukan bagi menilai elemen linguistik bahasa mandarin yang mempengaruhi tahap pemahaman dan penguasaan penjodoh bilangan Melayu "biji" dalam kalangan masyarakat Cina di Malaysia.

Tambahan pula, penyelidik terdahulu hanya mengkaji aspek pemerolehan bahasa Melayu sebagai bahasa kedua dalam kalangan penutur Cina (Pillai & Ong, 2018) yang lebih menumpukan struktur ayat, kosa kata umum dan isu sosiolinguistik, seperti peralihan kod dan pelbagai tahap kecekapan bahasa. Tiada tumpuan terhadap elemen tatabahasa yang lebih halus, seperti penjodoh bilangan.

Dalam bidang pemerolehan bahasa kedua, penjodoh bilangan dianggap sebagai elemen leksikal dan tatabahasa yang kompleks kerana melibatkan interaksi antara semantik, sintaksis dan pragmatik. Beberapa kajian dalam konteks bahasa Cina sebagai bahasa kedua (Zhang & Schmitt, 2014) menunjukkan bahawa penguasaan penjodoh bilangan menjadi cabaran utama terhadap pelajar asing kerana keperluan untuk memahami kategori semantik yang mendasari pemilihannya. Hal yang sama dijangka berlaku dalam konteks pembelajaran bahasa Melayu oleh masyarakat Cina di Malaysia, lebih-lebih lagi apabila sesetengah penjodoh bilangan, seperti "biji" mempunyai domain penggunaan yang bertindih, tetapi tidak sepenuhnya serupa dengan penjodoh bilangan dalam bahasa Mandarin, seperti "粒" (*li*).

METODOLOGI

Instrumen soal selidik digunakan sebagai kaedah pengumpulan data dalam kajian ini. Ujian rintis dilakukan terhadap 30 orang peserta sebelum analisis sebenar dilakukan. Menurut Malmqvist et al. (2019), kajian rintis merupakan kajian berskala kecil yang menilai kebolehgunaan sesuatu kaedah sebelum diaplikasikan dalam kajian yang berskala lebih besar. Kajian rintis dapat menentukan keberkesanan dari segi pengambilan peserta, pengacakan, pengekalan, ujian, eksperimen dan pelaksanaan intervensi inovatif (Fraser et al., 2018; In, 2017).

Kajian ini menggunakan kaedah persampelan kelompok berperingkat secara kebarangkalian bagi memilih responden berbangsa Cina dari kawasan yang mewakili Semenanjung Malaysia. Pada peringkat pertama persampelan, Semenanjung Malaysia dibahagikan kepada empat zon, iaitu utara, selatan, tengah dan pantai timur. Kedah, Perlis, Perak dan Pulau Pinang mewakili Zon Utara, manakala Selangor, Kuala Lumpur dan Putrajaya mewakili Zon Tengah. Johor, Melaka dan Negeri Sembilan mewakili Zon Selatan, manakala Pahang, Terengganu dan Kelantan mewakili Zon Timur.

Pemilihan responden Cina dilakukan secara sukarela dengan majoritinya berumur antara 18 hingga 30 tahun. Sebanyak 400 maklum balas sah dikumpulkan yang meliputi 100 responden bagi setiap zon melalui borang Google Forms, dengan masa menjawabnya ialah 15 minit. Bagi mengelakkan jawapan benar palsu, semua responden tidak dimaklumkan mengenai tujuan soal selidik ini dilakukan. Hasilnya, kadar maklum balas yang diperoleh ialah 100%. Kaedah pengumpulan data menggunakan

Google Form dipilih berdasarkan keperluan kajian dengan mengambil kira kemudahan capaian dan kemampuan penyasaran responden dalam talian, terutamanya dalam kalangan penutur bukan jati yang aktif menggunakan media digital. Kaedah persampelan bukan rawak secara terbuka ini adalah wajar dan selaras dengan amalan biasa dalam penyelidikan sosial dan linguistik, khususnya apabila objektif kajian adalah untuk mendapatkan gambaran awal tentang pola penggunaan atau pemahaman bahasa dalam kelompok sasaran tertentu.

Dalam kajian ini, penulis menyediakan beberapa soalan yang mempunyai lebih daripada satu pilihan jawapan yang betul. Hal ini dilakukan untuk menguji pemahaman responden terhadap penjodoh bilangan yang lebih tepat antara beberapa penjodoh bilangan yang betul. Dalam konteks pilihan jawapan ini, penjodoh bilangan yang paling kerap digunakan dalam data korpus dipilih sebagai jawapan yang betul, manakala penjodoh bilangan yang kurang digunakan dianggap sebagai jawapan yang salah. Selain itu, soalan yang mempunyai lebih daripada satu pilihan jawapan ini disediakan gambar yang menyebabkan hanya satu sahaja pilihan yang tepat antara beberapa pilihan jawapan yang betul.


Analisis deskriptif dilakukan untuk mengenal pasti peratusan bagi setiap pilihan jawapan yang dipilih dalam 20 soalan yang disertakan dengan gambar. Semua soalan ini dibina berdasarkan rujukan daripada kamus penjodoh bilangan yang diiktiraf dan sah, iaitu *Kamus Penjodoh Bilangan Daya* dan *Kamus Penjodoh Bilangan*, bagi memastikan kesahihan dan kesesuaian kandungan dari sudut linguistik. Pemilihan soalan daripada kedua-dua sumber ini bertujuan untuk menjamin ketepatan makna dan keselarasan dengan konteks penggunaan penjodoh bilangan dalam bahasa Melayu standard. Langkah ini turut diambil bagi memastikan instrumen yang digunakan mempunyai kejelasan dan keseragaman, serta mengekalkan objektiviti, sekali gus membolehkan dapatan yang lebih tepat dan berautoriti diperoleh melalui analisis deskriptif yang dilakukan. Bagi memastikan kesahan kandungan soal selidik, dua orang pensyarah Bahasa Melayu dilantik untuk menyemak ketepatan dan kesesuaian item yang dibina berdasarkan kamus penjodoh bilangan yang dirujuk. Semakan ini dilakukan bagi menilai, sama ada soalan yang dikemukakan menepati objektif kajian dan menggunakan bahasa yang jelas dan tepat. Pandangan dan cadangan penambahbaikan daripada kedua-dua pensyarah diambil kira sebelum soal selidik dimuktamadkan untuk edaran kepada responden.

Setiap soalan dilampirkan bersama-sama gambar bagi memastikan responden memahami kata nama yang ditanya. Setiap soalan mengandungi empat pilihan jawapan. Responden perlu memilih penjodoh bilangan yang betul berdasarkan kata nama yang dipaparkan bersama-sama gambar.

Dalam kajian ini, empat item, iaitu pin, benang, roti dan komputer, yang lazimnya tidak dipadankan dengan penjodoh bilangan 'biji', dimasukkan secara sengaja sebagai soalan *dummy* bagi mengelirukan responden secara terkawal. Strategi ini bertujuan untuk mengurangkan bias jawapan dan memastikan responden tidak menyedari bahawa tujuan sebenar soal selidik adalah untuk menilai ketepatan pemahamannya terhadap penggunaan penjodoh bilangan "biji". Soal selidik ini terdiri daripada dua bahagian. Bahagian pertama mengandungi soalan tentang maklumat demografi responden berbangsa Cina Semenanjung Malaysia, manakala bahagian kedua mengandungi soalan tentang penggunaan penjodoh bilangan "biji" dalam bahasa Melayu. Soalan ini direka berdasarkan definisi dan contoh yang terdapat dalam dua buah kamus penjodoh bilangan utama, iaitu *Kamus Penjodoh Bilangan Daya* (2008) dan *Kamus Penjodoh Bilangan* (2014).

Kedua-dua kamus ini dipilih kerana menyediakan senarai kata nama yang paling komprehensif yang berpadanan dengan penjodoh bilangan "biji" berbanding dengan kamus lain. Pemilihan ini dilakukan untuk memastikan liputan yang lebih menyeluruh, serta penyelidikan yang lebih terperinci mengenai padanan dan penggunaan penjodoh bilangan tersebut.

Teori yang digunakan dalam kajian ini ialah teori pemindahan dan penggangguan yang diperkenalkan oleh Lado (1957). Menurut Lado, seseorang individu akan memindahkan bentuk dan makna bahasa serta budaya natifnya kepada bahasa dan budaya sasaran, sama ada secara sedar atau tidak sedar. Pemindahan (transference) ini membantu pembelajaran bahasa sasaran sekiranya selari dan dapat diterima oleh budaya, serta sistem bahasa sasaran tersebut. Sebaliknya, pemindahan ini menjadi satu penggangguan (interference) sekiranya bercanggah dan tidak dapat diterima oleh budaya dan bahasa sasaran. Kerangka teori pemindahan dan penggangguan ditunjukkan dalam Rajah 1.



Rajah 1 Kerangka teori pemindahan dan gangguan menurut Lado (1957).

Kaedah Analisis Data

Data yang diperoleh daripada soal selidik dianalisis secara deskriptif menggunakan fungsi analitik automatik dalam platform Google Forms. Perisian ini menjana laporan taburan maklum balas bagi setiap item soalan, termasuklah peratusan dan kekerapan pemilihan jawapan oleh responden. Analisis ini membolehkan penyelidik mengenal pasti pola pemilihan penjodoh bilangan "biji" dalam kalangan masyarakat Cina di Semenanjung Malaysia, serta menilai tahap pemahaman sebenar terhadap penggunaan penjodoh tersebut.

Penilaian terhadap ketepatan jawapan pula dilakukan dengan merujuk padanan sahih yang terdapat dalam dua kamus autoritatif, iaitu *Kamus Penjodoh Bilangan Daya* dan *Kamus Penjodoh Bilangan*. Jawapan yang sejajar dengan padanan dalam kamus dianggap betul. Data daripada soalan *dummy* turut dianalisis untuk mengesan kekeliruan umum yang berkaitan dengan penjodoh bilangan "biji", sekali gus memberikan gambaran yang lebih menyeluruh terhadap tahap kefahaman responden dari pelbagai zon geografi.

ANALISIS DAN PERBINCANGAN

Secara keseluruhan, responden terdiri daripada pelbagai latar umur dan pendidikan, namun majoritinya ialah wanita berbangsa Cina yang berumur

antara 18 tahun hingga 30 tahun yang memiliki ijazah Sarjana Muda. Sebilangan besar responden di Zon Selatan ialah wanita (67%), diikuti oleh lelaki (33%). Di Zon Utara, lebih daripada separuh responden ialah wanita (72%), manakala lelaki hanya 28%. Majoriti responden di Zon Timur ialah wanita (68%), diikuti oleh lelaki (32%). Di kawasan Zon Tengah, kebanyakan responden ialah wanita (74%), dengan lelaki hanya 26%.

Tahap Pemahaman Masyarakat Cina Semenanjung terhadap Penjodoh Bilangan "Biji"

Sebanyak 400 jawapan soal selidik dianalisis. Hasilnya adalah dalam bentuk skor penguasaan penjodoh bilangan "biji". Skor ini dipaparkan dalam Jadual 2.

Jadual 2 Skor penguasaan penjodoh bilangan biji oleh responden.

Jenis Skor	Zon Selatan	Zon Utara	Zon Timur	Zon Tengah
Min (%)	47.36	48.84	46.26	43.60
Median	22	23	22	22
Julat (Range)	11–44	14–42	12–41	14–38

Dengan berdasarkan Jadual 2, dapatan menunjukkan bahawa Zon Utara mencatatkan nilai min tertinggi (48.84%), diikuti oleh Zon Selatan (47.36%), Zon Timur (46.26%) dan Zon Tengah dengan min terendah 43.60%. Walau bagaimanapun, skor min tersebut menunjukkan bahawa secara keseluruhan, tahap pemahaman responden bagi keempat-empat zon tidak jauh berbeza kerana semuanya berada dalam lingkungan kurang daripada 50%. Nilai min yang berada di bawah paras 50% juga mencerminkan bahawa lebih separuh daripada jumlah soalan tidak dapat dijawab dengan betulnya oleh kebanyakan responden. Hal ini menggambarkan bahawa tahap pemahaman penjodoh bilangan "biji" dalam kalangan responden secara keseluruhannya rendah dan belum mencapai tahap yang memuaskan.

Skor responden dalam penguasaan penjodoh bilangan "biji" di empat zon Semenanjung Malaysia ditunjukkan dalam Jadual 3. Jawapan yang betul bagi setiap soalan ditunjukkan dalam huruf tebal dan italik.

Jadual 3 Keputusan skor penguasaan penjodoh bilangan bagi semua zon.

No.	Kata Nama	Penjodoh bilangan	Zon Selatan (%)	Zon Utara (%)	Zon Timur (%)	Zon Tengah (%)	Min (%)
1	Telur	**biji**	100	100	99	99	99.5
		bentuk	0	0	0	0	0.0
		buah	0	0	1	1	0.5
		das	0	0	0	0	0.0
2	Halkum	**biji**	47	54	57	48	51.5
		bentuk	31	24	23	28	26.5
		utas	16	13	13	10	13.0
		buah	6	9	7	14	9.0
3	Gong	butir	31	12	28	24	23.8
		keping	14	24	20	25	20.8
		pinggan	34	45	35	40	38.5
		biji	21	19	17	11	17.0
4	Kapsul	buah	2	4	2	3	2.8
		ulas	10	14	10	9	10.8
		bentuk	3	6	3	4	4.0
		biji	85	76	85	84	82.5
5	Makaroni	***biji***	67	64	73	58	65.5
		bentuk	19	23	20	26	22.0
		buah	11	9	4	12	9.0
		helai	3	4	3	4	3.5
6	Timun	tangkai	29	24	29	33	28.8
		biji	32	23	23	14	23.0
		butir	9	17	19	22	16.8
		tongkol	30	36	29	31	31.5
7	Tumbung	butir	11	16	11	18	14.0
		utas	12	14	11	12	12.3
		biji	71	64	73	61	67.3
		buku	6	6	5	9	6.5
8	Kuih Lepat	**biji**	16	22	21	14	18.3
		buah	21	24	23	27	23.8
		kerat	27	34	25	29	28.8
		buku	36	20	31	30	29.3

Sambungan **Jadual 3** Keputusan skor penguasaan penjodoh bilangan bagi semua zon.

No.	Kata Nama	Penjodoh bilangan	Zon Selatan (%)	Zon Utara (%)	Zon Timur (%)	Zon Tengah (%)	Min (%)
9	Pin	**bilah**	15	18	18	12	15.8
		bentuk	30	25	20	24	24.8
		biji	32	32	40	35	34.8
		batang	23	25	22	29	24.8
10	Ketupat	buah	12	15	11	17	13.8
		buku	9	2	5	12	7.0
		biji	27	38	34	20	29.8
		ketul	52	45	50	51	49.5
11	Manik	buah	0	2	2	0	1.0
		biji	80	71	79	76	76.5
		bentuk	6	7	5	6	6.0
		untai	14	20	14	18	16.5
12	Pinggan	utas	65	65	56	66	63.0
		butir	15	9	25	17	16.5
		biji	13	15	11	9	12.0
		lapis	7	11	8	8	8.5
13	Bendi	**biji**	2	15	5	7	7.3
		batang	69	56	56	60	60.3
		tangkai	22	20	33	25	25.0
		buah	7	9	6	8	7.5
14	Roti	biji	5	6	6	3	5.0
		buku	87	87	85	87	86.5
		buah	6	5	6	6	5.8
		keping	2	2	3	4	2.8
15	Cawan	utas	35	39	35	32	35.3
		butir	11	13	9	12	11.3
		biji	28	29	28	29	28.5
		pasang	26	19	28	27	25.0
16	Sekoci	bentuk	30	23	31	36	30.0
		butir	29	23	24	24	25.0
		utas	9	8	9	11	9.3
		biji	32	46	36	29	35.8

Sambungan **Jadual 3** Keputusan skor penguasaan penjodoh bilangan bagi semua zon.

No.	Kata Nama	Penjodoh bilangan	Zon Selatan (%)	Zon Utara (%)	Zon Timur (%)	Zon Tengah (%)	Min (%)
17	Pisang	sikat	13	16	15	11	13.8
		biji	18	12	12	9	12.8
		batang	66	66	66	77	68.8
		tandan	3	6	7	3	4.8
18	Benang	biji	7	5	11	3	6.5
		buku	38	25	23	22	27.0
		ulas	32	46	38	54	42.5
		urat	23	24	28	21	24.0
19	Komputer	bentuk	4	5	7	8	6.0
		biji	1	5	1	6	3.3
		pasang	6	3	7	13	7.3
		buah	89	87	85	73	83.5
20	Botol	butir	24	19	21	21	21.3
		batang	34	51	44	50	44.8
		bilah	18	10	7	13	12.0
		biji	24	20	28	16	22.0

Daripada 20 soalan, empat ialah soalan *dummy* yang dimasukkan secara sengaja untuk mengelirukan responden agar tidak menyedari bahawa soal selidik ini adalah untuk menilai kefahaman responden terhadap penjodoh bilangan "biji". Penyediaan soalan *dummy* membolehkan pengukuran yang lebih tepat terhadap tahap penguasaan sebenar responden kerana jawapan yang diberikan mencerminkan pemahaman sebenar dan bukan sekadar tekaan berdasarkan corak yang dijangka. Tanpa soalan *dummy*, responden mungkin dapat meneka bahawa semua jawapan ialah "biji", yang dapat menjejaskan ketepatan tafsiran data. Dengan pendekatan ini, analisis jawapan dapat memberikan gambaran yang lebih sahih tentang corak penguasaan bahasa dan pengaruh bahasa natif terhadap penggunaan penjodoh bilangan dalam bahasa sasaran. Dua soalan menerima skor melebihi 50%. iaitu soalan 14 (roti), yang sepatutnya dipadankan dengan penjodoh bilangan **buku**, dan soalan 19 (komputer), yang sepatutnya

dipadankan dengan penjodoh bilangan **buah**. Begitu juga, dua soalan menerima skor di bawah 50%, iaitu soalan 9 (pin), yang sepatutnya dipadankan dengan penjodoh bilangan **bilah**, dan soalan 18 (benang), yang sepatutnya dipadankan dengan penjodoh bilangan **buku**.

Dengan mengecualikan empat soalan *dummy*, baki 16 soalan merupakan soalan ujian sebenar. Hanya enam soalan (37.5%) dijawab dengan betulnya, dengan skor melebihi 50%: soalan 1 (telur), soalan 2 (halkum), soalan 4 (kapsul), soalan 5 (makaroni), soalan 7 (tumbung), dan soalan 11 (manik). Sebaliknya, sepuluh soalan yang tinggal (62.5%) dijawab dengan betulnya, dengan skor kurang daripada 50%, iaitu soalan 3 (gong), soalan 6 (timun), soalan 8 (kuih lepat), soalan 10 (ketupat), soalan 12 (pinggan), soalan 13 (bendi), soalan 15 (cawan), soalan 16 (sekoci), soalan 17 (pisang), dan soalan 20 (botol).

Pengkaji juga mendapati bahawa pemahaman bagi soalan tertentu yang memperoleh skor lebih daripada 50% mahupun yang kurang daripada 50% adalah konsisten. Contohnya, penjodoh bilangan yang betul untuk soalan 1 (telur) ialah **biji**. Responden dari Zon Selatan dan Zon Utara mencapai kadar penguasaan 100%, manakala Zon Timur dan Zon Tengah masing-masing mencatatkan 99%. Pola ini berterusan bagi soalan lain yang mendapat skor melebihi 50%, termasuklah soalan tentang halkum, kapsul, makaroni, tumbung dan manik. Hal yang sama berlaku pada pemilihan penjodoh bilangan yang betul bagi soalan yang mendapat skor kurang daripda 50%. Sebagai contoh, penjodoh bilangan yang betul untuk soalan 3 (gong) ialah **biji**, dengan kadar penguasaan sebanyak 21%, 19%, 17%, dan 11% di Zon Selatan, Zon Utara, Zon Timur dan Zon Tengah, masing-masing. Pola yang konsisten ini berlanjutan bagi soalan yang mendapat skor kurang daripada 50%, seperti timun, kuih lepat, ketupat, pinggan, bendi, cawan, sekoci, pisang dan botol. Hasil ini menunjukkan bahawa penguasaan penjodoh bilangan biji dalam kalangan responden konsisten merentasi semua zon geografi.

Pengaruh Bahasa Mandarin terhadap Tahap Pemahaman Penjodoh Bilangan "Biji"

Bahasa ibunda atau bahasa natif seorang individu dapat mempengaruhi cara individu itu mempelajari dan menggunakan bahasa sasaran. Dalam konteks kajian ini, pengaruh bahasa Mandarin terhadap penguasaan penjodoh bilangan "biji" dianalisis untuk memahami, sama ada corak jawapan responden dipengaruhi oleh struktur dan penggunaan penjodoh

bilangan dalam bahasa ibundanya, iaitu bahasa Mandarin. Analisis ini juga dilakukan untuk mengenal pasti bentuk pemindahan positif (pemindahan) atau pemindahan negatif (penggangguan) yang muncul daripada bahasa natif, seterusnya memberikan gambaran tentang tahap pemahaman sebenar responden terhadap penggunaan "biji" dalam bahasa Melayu.

Penjodoh Bilangan Biji untuk Objek Kecil dan Bulat

Dapatan kajian ini menonjolkan tahap pemahaman yang tinggi terhadap penggunaan penjodoh bilangan **biji**, khususnya yang merujuk objek kecil dan bulat yang lazim. Responden secara konsisten menunjukkan kefahaman yang baik dalam penggunaan penjodoh bilangan **biji** secara tepat dengan kata nama, seperti **telur**, **halkum**, **kapsul**, **makaroni**, **tumbung** dan **manik**.

Seperti yang dihuraikan dalam kamus yang digunakan dalam kajian ini, penjodoh bilangan **biji** dalam bahasa Melayu sebagaimana yang dinyatakan *dalam Kamus Penjodoh Bilangan Daya*, berfungsi untuk menghitung buah, objek yang berbentuk bulat dan item yang bersaiz kecil. Huraian ini disokong oleh Zainuddin Dirin (2014) dalam sumber leksikal yang sama, yang menegaskan bahawa "biji" digunakan untuk menyukat buah dan entiti kecil.

Kebanyakan responden menunjukkan keselarasan terhadap pola penggunaan ini, yang sememangnya tidak menghairankan. Hal ini dikatakan demikian kerana penggunaan penjodoh bilangan **biji** dalam bahasa Melayu adalah hampir serupa dengan penggunaan penjodoh bilangan Cina "粒" (lì). Menurut *Hànyǔ Liàngcí Dà Cídiǎn* (*Kamus Penjodoh Bilangan Cina*, 2013), penjodoh bilangan "粒" (lì) lazimnya digunakan untuk benda yang kecil dan berbentuk bulat. Oleh itu, konsep penggunaan penjodoh bilangan dalam kedua-dua bahasa ini memperlihatkan persamaan yang ketara, khususnya bagi objek kecil dan bulat, iaitu penggunaan **biji** dalam bahasa Melayu dan penggunaan "粒" (lì) dalam bahasa Mandarin.

Kesamaan dalam konsep dan penggunaan penjodoh bilangan ini menyebabkan tahap pemahaman yang tinggi dalam kalangan responden terhadap penggunaan **biji** yang merujuk objek yang kecil dan bulat. Fenomena ini dapat dikaitkan dengan proses pemindahan positif daripada bahasa ibunda kepada bahasa sasaran, apabila struktur linguistik yang serupa dalam kedua-dua bahasa memudahkan pembelajaran dan penggunaan bahasa kedua (Ellis, 1994; Odlin, 1989).

Penjodoh Bilangan Biji bagi Alat Muzik

Dengan berdasarkan *Penjodoh Bilangan Daya* (2008) dan *Kamus Penjodoh Bilangan* (2014), kata nama **gong** dipadankan dengan penjodoh bilangan **biji**. Walau bagaimanapun, dapatan kajian menunjukkan bahawa kadar pemilihan penjodoh bilangan **biji** oleh responden adalah rendah apabila dipadankan dengan kata nama **gong**.

Sebaliknya, majoriti responden lebih cenderung untuk memilih penjodoh bilangan **pinggan**, Corak pemilihan ini dipengaruhi oleh bahasa ibunda responden, iaitu bahasa Mandarin, yang menggunakan penjodoh bilangan "面" (miàn) untuk objek yang bersifat rata dan melebar (Guo Xianzhen, 2002). Dalam konteks ini, kata nama **gong** dalam bahasa Mandarin dipadankan dengan penjodoh bilangan "面" (miàn), seperti dalam frasa "一面铜锣" (yí [satu] miàn [PB] tóngluó [gong]) (Guo Xianzhen, 2002).

Tambahan pula, objek pinggan berkongsi ciri fizikal yang serupa dengan **gong**, khususnya bentuk bulat dan permukaan yang rata. Kesamaan ini menjadi pendorong utama bagi pemilihan penjodoh bilangan yang tidak tepat, iaitu **pinggan**, bagi menggantikan penjodoh bilangan yang sepatutnya digunakan, iaitu **biji**. Fenomena ini menggambarkan gangguan bahasa yang menyebabkan pemindahan negatif apabila struktur bahasa pertama mempengaruhi struktur bahasa kedua secara tidak tepat (Ellis, 1994; Odlin, 1989).

Penjodoh Bilangan Biji bagi Buah atau Sayur

Seperti yang dinyatakan dalam *Kamus Penjodoh Bilangan* Daya (2008) dan *Kamus Penjodoh Bilangan* (2014), kata nama **timun**, **bendi dan pisang** dengan penjodoh bilangan **biji**. Namun demikian, pemilihan penjodoh bilangan **biji** bagi kata nama timun oleh responden adalah rendah. Kebanyakan responden memilih tiga penjodoh bilangan lain, iaitu **setangkai**, **sebutir** dan **setongkol**. Bagi soalan ini, majoriti responden memilih penjodoh bilangan **setangkai** (skor min 28.8%) dan **setongkol** (skor min 31.5). Pilihan ini dipengaruhi oleh bahasa ibunda responden, iaitu bahasa Mandarin. Dalam bahasa Mandarin, "根" (gēn) yang bermaksud akar lazimnya digunakan untuk objek yang panjang dan tirus (Guo Xianzhen, 2002), termasuklah **timun,** iaitu "黄瓜" (*huángguā*). Sebagai contoh, "一根黄瓜" (*yī* [satu] *gēn* [PB] "huángguā" [timun]; *Corpus of Center for Chinese Linguistics Peking University*). Penjodoh bilangan bahasa Melayu **setongkol** dan **setangkai** sering diterjemahkan

sebagai "根" (gēn) dalam bahasa Mandarin. Oleh itu, jawapan **tongkol** dan **tangkai** dianggap betul oleh kebanyakan responden.

Selain itu, penjodoh bilangan **biji** turut mencatatkan kadar pemilihan yang sangat rendah apabila dipadankan dengan **bendi**. Dapatan ini menunjukkan kewujudan kekurangan ketara dalam pengetahuan dan pemahaman responden. Bagi soalan ini, majoriti responden memilih penjodoh bilangan **batang**. Pilihan ini dipengaruhi oleh bahasa ibunda responden, iaitu bahasa Mandarin. Dalam bahasa Mandarin, "根" (gēn) yang bermaksud akar lazimnya digunakan untuk objek yang panjang dan tirus (Guo Xianzhen, 2002), termasuklah **bendi** atau "秋葵" (qiūkuí). Sebagai contoh, "一根秋葵" (*yī* [satu] *gēn* [PB] *qiūkuí* [bendi]; *Daily China*, 2022). Penjodoh bilangan "根" (gēn) ini sering diterjemahkan sebagai **batang** dalam bahasa Melayu. Oleh itu, pemilihan **batang** sebagai jawapan dianggap betul oleh kebanyakan responden.

Keadaan serupa juga dapat dilihat bagi kata nama **pisang**, apabila penjodoh bilangan **biji** dipilih pada kadar yang rendah. Sekali lagi, penjodoh bilangan **batang** menjadi pilihan utama. Pilihan ini juga dipercayai dipengaruhi oleh bahasa ibunda responden, iaitu bahasa Mandarin, apabila penjodoh bilangan "根" (gēn) digunakan bagi objek yang panjang dan tirus (Guo Xianzhen, 2002). Dalam konteks ini, **pisang** atau "香蕉" (xiāngjiāo) dalam bahasa Mandarin lazimnya dipadankan dengan penjodoh bilangan 根 (gēn), seperti dalam frasa "一根香蕉" (*yī* [satu] *gēn* [PB] *xiāngjiāo* [pisang]; Liu, hlm. 361). Oleh sebab "根" (gēn) diterjemahkan sebagai **batang**, penjodoh bilangan **batang** lebih kerap dianggap sebagai pilihan yang tepat oleh responden.

Penggunaan penjodoh bilangan "一根" (yī gēn) bagi timun, bendi dan pisang dalam bahasa Mandarin telah mempengaruhi pemilihan jawapan responden. Majoriti responden memilih **batang**, **tangkai** dan **tongkol**, iaitu kata yang bersifat panjang dan tirus kerana ketiga-tiga penjodoh bilangan ini diterjemahkan sebagai "根" (gēn) dalam bahasa Mandarin. Fenomena ini mencerminkan gangguan bahasa yang menyebabkan permindahan negatif apabila struktur bahasa pertama mempengaruhi struktur bahasa kedua secara tidak tepat (Ellis, 1994; Odlin, 1989).

Penjodoh Bilangan Biji bagi Kuih-muih

Sebagaimana yang dicatatkan dalam *Kamus Penjodoh Bilangan Daya* (2008) dan *Kamus Penjodoh Bilangan* (2014), kata nama **kuih lepat**

(sejenis kuih tradisional Melayu yang dihasilkan daripada pulut dan dibungkus dengan daun pisang sebelum dikukus) dan **ketupat** berpadanan dengan penjodoh bilangan **biji**. Walau bagaimanapun, penjodoh bilangan **biji** mencatatkan kadar pemilihan yang rendah sebagai padanan untuk **kuih lepat**. Kebanyakan responden memilih tiga jawapan lain, iaitu **sebuah** (skor min 23.8%), **sekerat** (skor min 28.8) dan **sebuku** (skor min 29.3).

Keadaan yang serupa turut diperhatikan bagi **ketupat**. Penjodoh bilangan **biji** menunjukkan kadar pemilihan yang rendah yang mencerminkan tahap pengetahuan dan kefahaman yang rendah terhadap penggunaan penjodoh bilangan **biji**. Sebaliknya, majoriti responden memilih penjodoh bilangan **ketul**.

Fenomena ini menunjukkan kewujudan pengaruh daripada bahasa ibunda responden, iaitu bahasa Mandarin. Penjodoh bilangan bahasa Melayu, seperti **kerat**, **buku** dan **ketul**, sering diterjemahkan sebagai "块" (kuài) yang digunakan secara meluas untuk objek yang berbentuk ketulan atau blok (Guo Xianzhen, 2002). Sebagai contoh, kek atau kuih (糕 gāo / 蛋糕 dàngāo) dipadankan dengan "块" (kuài), seperti dalam frasa "一块蛋糕" (yī [satu] kuài [PB] dàngāo [kek]; Guo Xianzhen, 2002). Oleh hal yang demikian, penjodoh bilangan **kerat**, **buku** dan **ketul** lebih cenderung untuk dipilih oleh responden. Fenomena ini mencerminkan gangguan bahasa yang menyebabkan pemindahan negatif, apabila struktur bahasa pertama mempengaruhi struktur bahasa kedua secara tidak tepat (Ellis, 1994; Odlin, 1989).

Penjodoh Bilangan Biji bagi Perkakas Dapur

Sebagaimana yang dinyatakan dalam *Kamus Penjodoh Bilangan Daya* (2008) dan *Kamus Penjodoh Bilangan* (2014), kata nama **pinggan** berpadan dengan penjodoh bilangan **biji**.

Walau bagaimanapun, penjodoh bilangan **biji** mencatatkan kadar pemilihan yang rendah sebagai padanan untuk **pinggan**. Responden lebih cenderung untuk memilih penjodoh bilangan lain, iaitu **seutas**, **sebutir** dan **selapis**. Hal ini menunjukkan bahawa pemahaman responden terhadap penggunaan penjodoh bilangan biji dalam konteks pinggan adalah sangat rendah. Dalam bahasa Mandarin, **pinggan** lazimnya dipadankan dengan penjodoh bilangan "个" (gè) (Guo Xianzhen, 2002; Li Xingjian, 2010; Liu Zi Ping, 2013) atau "只" (zhī) (Guo Xianzhen, 2002; Liu Zi Ping, 2013) yang digunakan untuk objek rata atau berbentuk leper, bukannya kategori yang menyerupai konsep biji dalam bahasa Melayu. Oleh itu, apabila

responden memindahkan pengetahuan bahasa pertamanya, responden cenderung untuk menolak penggunaan biji kerana kategori kuantifikasi tersebut tidak selaras dengan sistem dalam bahasa Mandarin. Sehubungan dengan itu, pengaruh bahasa Mandarin dalam pemilihan penjodoh bilangan ini dapat dianggap sebagai pemindahan negatif kerana struktur dan logik penjodoh bilangan Mandarin mendorong responden memilih penjodoh bilangan yang tidak tepat dalam bahasa Melayu. Dengan erti kata lain, perbezaan antara sistem penjodoh bilangan kedua-dua bahasa menimbulkan gangguan bahasa yang menyebabkan pemindahan negatif apabila struktur bahasa pertama mempengaruhi penggunaan bahasa kedua secara tidak tepat (Odlin, 1989; Ellis, 1994).

Hal yang sama berlaku apabila penjodoh bilangan **biji** tidak begitu dipilih untuk kata nama **cawan**. Responden lebih memilih tiga penjodoh bilangan lain, iaitu **seutas**, **sebutir** dan **selapis**. Fenomena ini dapat dijelaskan melalui pengaruh bahasa Mandarin. Dalam bahasa Mandarin, penjodoh bilangan bahasa Melayu **biji** lazimnya diterjemahkan sebagai "粒" (lì) biasanya merujuk objek yang kecil dan bulat sahaja, seperti biji benih atau butiran beras (Aikhenvald, 2003; Erbaugh, 1986; Guo Xianzhen, 2002; Li Xingjian, 2010; Liu Ziping, 2013). Tambahan pula, dalam bahasa Mandarin, **cawan** dipadankan dengan penjodoh bilangan "个" (gè). Oleh itu, responden cenderung untuk memilih penjodoh bilangan yang sesuai dengan mentaliti atau struktur bahasa Mandarin sehingga menyebabkan jawapannya berbeza daripada penggunaan standard bahasa Melayu. Fenomena ini mencerminkan gangguan bahasa yang menyebabkan pemindahan negatif apabila struktur bahasa pertama mempengaruhi struktur bahasa kedua secara tidak tepat (Ellis, 1994; Odlin, 1989).

Bagi kata nama **botol**, penjodoh bilangan **biji** juga menunjukkan kadar pemilihan yang rendah. Sebaliknya, penjodoh bilangan **batang** menunjukkan kadar pemilihan yang lebih tinggi. Dalam bahasa Mandarin, kata "ranting", "batang" atau "rod" biasanya dilambangkan oleh penjodoh bilangan "枝" (zhī) yang kerap digunakan untuk merujuk objek yang panjang, nipis dan berbentuk silinder (Guo Xianzhen, 2002). Penjodoh bilangan Mandarin "枝" (zhī) sering diterjemahkan ke dalam bahasa Melayu sebagai **batang**. Walaupun secara semantiknya, **botol** tidak dipadankan dengan penjodoh bilangan "枝" (zhī) dalam bahasa Mandarin, bentuk fizikal **botol** yang memanjang seperti "batang" atau "rod" itu mempengaruhi pemilihan jawapan tersebut. Oleh itu, penjodoh bilangan **batang** cenderung untuk dipilih sebagai jawapan. Fenomena

ini mencerminkan gangguan bahasa yang menyebabkan **pemindahan negatif** apabila struktur bahasa pertama mempengaruhi struktur bahasa kedua secara tidak tepat (Ellis, 1994; Odlin, 1989;).

Penjodoh Bilangan Biji bagi Komponen Kecil

Sebagaimana yang dicatatkan dalam *Kamus Penjodoh Bilangan Daya* (2008) dan *Kamus Penjodoh Bilangan* (2014), kata nama **sekoci** (iaitu komponen kecil dalam mesin jahit) berpadan dengan penjodoh bilangan **biji**. Namun begitu, penjodoh bilangan **biji** menunjukkan kadar pemilihan yang rendah apabila dipadankan dengan **sekoci**. Bagi soalan ini, responden memilih penjodoh bilangan **bentuk**, **butir** dan **utas**. Dalam bahasa Mandarin, penjodoh bilangan bahasa Melayu **biji** lazimnya diterjemahkan sebagai "粒" (lì) yang biasanya merujuk objek yang kecil dan bulat sahaja, seperti biji benih atau butiran beras (Aikhenvald, 2003; Erbaugh, 1986; Guo Xianzhen, 2002; Li Xingjian, 2010; Liu Ziping, 2013). Walau bagaimanapun, **sekoci** tidak memenuhi ciri tersebut sehingga menyebabkan responden tidak mengaitkannya dengan **biji**. Tambahan pula, dalam bahasa Mandarin, sekoci seperti kebanyakan objek kecil berbentuk tidak seragam, biasanya dipadankan dengan penjodoh bilangan "个" (gè). Oleh sebab tiada padanan langsung atau jelas antara sekoci dengan kategori penjodoh bilangan Mandarin yang khusus, responden cenderung memilih jawapan yang paling hampir dengan ciri fizikal secara intuitif, seperti **bentuk**, **butir** atau **utas.** Fenomena ini menunjukkan berlakunya pemindahan negatif, iaitu keadaan apabila struktur atau kategori bahasa pertama mempengaruhi bahasa kedua secara tidak tepat (Ellis, 1994; Odlin, 1989). Ketiadaan padanan yang jelas antara sekoci dengan penjodoh bilangan Mandarin menyebabkan responden mengaplikasikan logik bahasa Mandarin secara tidak langsung, lalu menghasilkan jawapan yang menyimpang daripada norma bahasa Melayu.

KESIMPULAN

Kajian ini menunjukkan bahawa tahap penguasaa penjodoh bilangan **biji** dalam kalangan masyarakat Cina di Semenanjung Malaysia masih tidak memuaskan merentasi pelbagai zon geografi. Menerusi teori pemindahan dan gangguan yang digunakan, dapat dibuktikan bahawa berlaku pemindahan positif daripada bahasa Mandarin kepada bahasa Melayu yang menyebabkan sebahagian besar responden menunjukkan kefahaman yang baik terhadap ciri tipikal **biji**, khususnya bagi buah bersaiz kecil dan

berbentuk bulat. Antara objek yang tergolong dalam ciri tipikal dan berjaya dikuasai oleh responden termasuklah **telur**, **halkum**, **kapsul**, **makaroni**, **tumbung** dan **manik**. Dengan menggunakan teori yang sama, dapat dibuktikan bahawa berlaku pemindahan negatif daripada bahasa Mandarin kepada bahasa Melayu yang menyebabkan responden menghadapi kesukaran untuk mengenal pasti dan menggunakan biji bagi objek yang memiliki ciri tidak tipikal. Objek ini merangkumi buah dan sayur yang berbentuk panjang dan langsing (seperti **timun**, **bendi** dan **pisang**), perkakas dapur atau bekas makanan yang berbentuk leper, berongga atau langsing (seperti **pinggan**, **cawan** dan **botol**) serta kuih-muih tradisional (seperti **kuih lepat** dan **ketupat**). Malah, terdapat juga kekeliruan dalam penggunaan biji untuk alat muzik, seperti **gong** dan komponen kecil, seperti **sekoci**.

PENGHARGAAN

Penghargaan yang setinggi-tingginya diucapkan kepada semua responden yang telah menyertai soal selidik ini.

SUMBANGAN PENGARANG

Ng Chwee Fang: Konsep dan reka bentuk kajian, pelaksanaan kajian, reka bentuk soal selidik, penginterpretasian hasil, penulisan makalah, semak, penghantaran manuskrip akhir dan pembetulan manuskrip akhir. Mohd Mukhlis Abu Bakar: Memberikan nasihat dan panduan akademik sepanjang pelaksanaan kajian, menulis bahagian kajian lepas, serta melaksanakan penyemakan manuskrip.

PENDANAAN

Penerbitan makalah ini dibiayai oleh Dewan Bahasa dan Pustaka.

PERNYATAAN KETERSEDIAAN DATA

Data yang menyokong kajian ini tersedia dalam makalah ini.

PERISYTIHARAN

Konflik kepentingan: Pengarang tidak mempunyai sebarang konflik kepentingan dari segi kewangan dan bukan kewangan untuk diisytiharkan.

RUJUKAN

Abdullah Hassan. (2006). *Kamus penjodoh bilangan bahasa Melayu*. PTS Publications.

Adams, K. L., & Conklin, N. F. (1973). *Towards a theory of natural classification.* Dlm. C. Corum, T. C. Smith-Clark & A. Weiser (Pnyt.), Ninth Regional Meeting of the Chicago Linguistic Society (hlm. 1–10). Chicago Linguistic Society.

Aikhenvald, A.Y. (2000). *Classifier: A typology of noun categorization devices*. Oxford University Press.

Allan, K. (1977). Classifiers. *Language*, *53*, 285–311.

Anwar Ridhwan, & Lai Choy. (2008). *Kamus penjodoh bilangan daya*. Penerbit Minda (M) Sdn. Bhd.

Anwar Ridhwan, & Lai Choy. (2010). *Kamus kembangan.* Penerbit Minda Sdn. Bhd.

Asmah Haji Omar. (1972). Numeral classifiers in Malay and Iban. *Anthropological Linguistics, 14*(3), 87–96.

Asmah Haji Omar. (2008). *Ensiklopedia bahasa Melayu*. Dewan Bahasa dan Pustaka.

China Daily. (2022). https://cn.chinadaily.com.cn/a/202207/26/WS62df7baca3101c3ee7ae0d41.html

Chung Siaw Fong. (2010). Numeral classifier buah in Malay: A corpus-based study. *Language and Linguistics, 11*(3), 553–577.

Conklin, N. F. (1981). *The semantics and syntax in numeral classification in Tai and Austronesian* [Tesis kedoktoran yang tidak diterbitkan]. University of Michigan.

Corpus of Center for Chinese Linguistics Peking University. http://ccl.pku.edu.cn:8080/ccl_corpus/search?q=%E4%B8%80%E6%A0%B9%E9%BB%84%E7%93%9C&startTime=&xiandaiStartTime=&endTime=&xiandaiEndTime=&dir=xiandai&start=0&num=50&index=FullIndex&outputFormat=HTML&encoding=UTF-8&maxLeftLength=30&maxRightLength=30&orderStyle=score&LastQuery=&scopestr=

Craig, C. G. (Pnyt.). (1986). *Noun classes and categorization.* John Benjamins Publishing Company.

Ellis, R. (1994). *The study of second language acquisition.* Oxford University Press.

Erbaugh, M. S. (1986). Taking stock: The development of Chinese noun classifiers historically and in young children. Dlm. C. Craig. Benjamins (Pnyt.), *Noun Classes and Categorization*.

Fraser, J., Fahlman, D. W., Arscott, J., & Guillot, I. (2018). Pilot testing for feasibility in a study of student retention and attrition in online undergraduate programs. *The International Review of Research in Open and Distributed Learning, 19*(1), 260–278. https://doi.org/10.19173/irrodl.v19i1.3326

Gil, D. (2013). Numeral classifiers. Dlm. M. S. Dryer & M. Haspelmath (Pnyt.), *In the world atlas of language structures online*. Leipzig Max Planck Institute for Evolutionary Anthropology.

Guo Xianzhen. (2002). *Xiandai hanyu liangci yongfa cidian [Dictionary of modern Chinese classifiers usage*]. Beijing Yuwen Chubanshe.

In, J. (2017). Introduction of a pilot study. *Korean Journal of Anesthesiology, 70*(6), 601–605. Issues and challenges. *Malaysian Journal of ELT Research, 14*(1), 1–15. https://doi.org/10.4097/kjae.2017.70.6.601

Khazriyanti Salehuddin, & Winskel, H. (2008). Malay numeral classifiers: Sketching its conceptual representation from a native speaker's perspective. Paper presented at SEALSXVI: *16th Meeting of the Southeast Asian Linguistics Society (2006)*, E6, 65–74. (Online) Dicapai pada 7 Mei 2008 daripada http://www.pacling.com/catalogue/SEALSXVI_Final.pdf

Khazriyanti Salehuddin, & Winskel, H. (2009). An investigation into Malay numeral classifier acquisition through an elicited production task. *First Language, 29(*3), 291–313. https://doi.org/10.1177/0142723709103187

Khazriyati Salehuddin, & Winskel, H. (2011). Object categorisation using Malay shape-based numeral classifier categories. *GEMA Online Journal of Language Studies, 11(*3), 53–68. http://www.ukm.my/ppbl/Gema/GEMA%20vol%2011%20 (3)%202011/pp53-68.pdf

Khazriyati Salehuddin, & Winskel, H. (2012). Malay numeral classifier usage in caretaker-child talk. *GEMA Online Journal of Language Studies, 12*(1), Special Section, 89–104. http://www.ukm.my/ppbl/Gema/GEMA%20 vol%2012%20(1)%20Special%20section%202012/pp_89_104.pdf

Khazriyati Salehuddin, & Winskel, H. (2016). Classifier usage and cognitive categorization in Malay: An experimental approach. *GEMA Online® Journal of Language Studies*, *16*(1).

Khazriyati Salehuddin, Winskel, H., & Imran Ho Abdullah. (2013). Developmental patterns in Malay shape-based numeral classifier comprehension. *Pertanika Journal of Social Science and Humanities*, *21*(4), 1309–1326.

Khazriyati Salehuddin, Winskel, H., & Marlyn Maros. (2011). The pragmatic functions of numeral classifiers in modern Malay written corpus. *GEMA Online Journal of Language Studies, 11*(2), 137–153. http://www.ukm.my/ppbl/GEMA%20vol%20 11%20(2)%202011/137-153.pdf

Lado, R. (1957). *Linguistics across cultures: Applied linguistics for language teachers*. University of Michigan Press.

Lee Jin Feng. (2009a). Qiantan hanyu malaiyu liangci de yitong. *Wenjiao Ziliao*. 36–37.

Lee Jin Feng. (2009b). Hanyu Malaiyu liangci bijiao yanjiu. *Kejiao Wenhui*. 262–264.

Lee, Y. (1997). *Classifiers in Korean* [Tesis kehormatan yang tidak diterbitkan]. Australian National University, Canberra.

Li Xingjian. (2010). *Xiandai Hanyu liangci guifan cidian [Standard dictionary of modern Chinese classifier]*. China Hebei Jiaoyu Chubanshe.

Liaw Yock Fang (1999). *Malay grammar made easy: A comprehensive guide.* Times Book International.

Liu Pei Hua. (2014). *Hanyu Malaiyu liangci duiying guanxi ji jiaoxue yanjiu* [Tesis sarjana yang tidak diterbitkan]. University Xiamen, China.

Liu Ziping. (2013). *Hanyu liangci dacidian [Comprehensive dictionary of Chinese classifiers].* Shanghai Lexicographical Publishing House.

Malmqvist, J., Hellberg, K., Möllås, G., Rose, R., & Shevlin, M. (2019). Conducting the pilot study: A neglected part of the research process? Methodological findings supporting the importance of piloting in qualitative research studies. *International Journal of Qualitative Methods, 18,* 1–11. https://doi.org/10.1177/1609406919878341

Marnita, R. (1996). *Classifiers in Minangkabau* [Tesis sarjana yang tidak diterbitkan]. Australian National University.

Ng Chwee Fang, Awang Sariyan, & Yap Ngee Thai. (2024). A dictionary-based comparative study of the Chinese "个 (gè)" and the Malay "buah" numeral classifiers. *Issues in Language Studies, 13*(1), 1–21. https://doi.org/10.33736/ils.5658.2024

Ng Chwee Fang. (2024). A comparative analysis of the Chinese classifier "粒 lì" and the Malay classifier "biji" from the perspective of typology. *Shijie Huawen Jiaoxue, 12,* 197–241. https://xianxiao.ssap.com.cn/member/home/member_id/408169

Nik Safiah Karim, Farid M. Onn, Hashim Haji Musa, & Abdul Hamid Mahmood. (1986/2008). *Tatabahasa dewan edisi ketiga*. Dewan Bahasa Dan Pustaka.

Odlin, T. (1989). *Language transfer: Cross-linguistic influence in language learning.* Cambridge University Press.

Othman, B. (2004). *Penjodoh bilangan*. Aneka Publication & Distributors Sdn. Bhd.

Pillai, S., & Ong, J. Y. (2018). The acquisition of Malay among Chinese learners in Malaysia:

Pusat Rujukan Persuratan Melayu. (t.t.). https://prpm.dbp.gov.my/Cari1?keyword=biji

Richards, J. C, Platt, J., & Weber, H. (1985). *Longman dictionary of applied linguistics.* Longman Group Limited.

Sanches, M. (1977). Language acquisition and language change: Japanese numeral classifiers. Dlm. B. G. Blount & M. Sanches (Pnyt.), *Sociocultural Dimensions of Language change* (hlm. 51–62). Academic Press.

Tai, James H. Y., & Wang Lianqing. (1990). A semantic study of the classifier tiao (條). *Journal of the Chinese Language Teachers Association, 25*(1), 35–56.

Teo Ai Min. (2003). *Penjodoh bilangan bahasa Melayu dan bahasa Cina: Satu analisis kontrastif dan analisis kesilapan* [Tesis sarjana yang tidak diterbitkan]. Universiti Malaya.

Teo, Y. Y. (2015). Bahasa Melayu sebagai bahasa kedua dalam kalangan pelajar Cina: Analisis terhadap penguasaan morfologi dan sintaksis. *Jurnal Bahasa, 15*(2), 103–118.

Zainuddin Dirin. (2000). *Kamus penjodoh bilangan untuk KBSR*. Fajar Bakti.

Zainuddin Dirin (2014). *Kamus penjodoh bilangan.* Oxford Fajar Sdn. Bhd.

Zhang, Y. & Schmitt, N. (2014). Incidental acquisition of Chinese measure words through reading. Language Teaching Research, *18*(3), 333–355.